

Negara catat produktiviti 3.7 peratus bagi 2006

BH - 22/5/2006

Pertumbuhan terbaik bagi tempoh 6 tahun atasi beberapa negara maju

Oleh Zuraidah Mohamed

MALAYSIA mencatatkan pertumbuhan produktiviti kukuh pada kadar 3.7 peratus tahun lalu, iaitu paras tertingginya dalam tempoh enam tahun.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kadar itu mengatasi pencapaian beberapa negara maju dalam Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) seperti Sweden (2.8 peratus); Jepun (2.5 peratus); Jerman (2.0 peratus); Denmark (1.8 peratus) dan Ireland (0.9 peratus).

Beliau berkata, di kalangan negara Asia pula, pertumbuhan produktiviti negara ini tahun lalu mengatasi Thailand (3.5 peratus), Taiwan (2.7 peratus) dan Singapura (1.2 peratus).

"Pencapaian itu disokong pelaksanaan pelbagai inisiatif meningkatkan produktiviti seperti pengenalan produk berinovasi, penyumberan luar bagi perkhidmatan profesional serta peningkatan penggunaan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT)," katanya pada pelancaran Laporan Produktiviti 2006 Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengerusi NPC, Tan Sri Azman Hashim dan Ketua Pengerahnya, Datuk Nik Zainiah Nik

Abd Rahman.

Rafidah menjelaskan, semua sektor dalam ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan produktiviti antara 0.5 peratus dan 4.5 peratus tahun lalu.

Katanya, produktiviti dalam sektor pembuatan berkembang 4.4 peratus, didorong oleh prestasi kukuh industri berasaskan eksport iaitu petroleum dan produk plastik, kimia industri asas dan semikonduktor.


Sektor perkhidmatan bukan kerajaan, katanya mencatatkan pertumbuhan produktiviti 2.6 peratus dengan sektor utiliti berkembang 4.5 peratus, kewangan dan pengangkutan sebanyak 4.1 peratus, manakala perdagangan dan perniagaan adalah 2.2 peratus.

Produktiviti dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula, katanya meningkat 5.3 peratus.

Rafidah menegaskan, Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Beliau berkata, dalam tempoh 1997 hingga 2006, Malaysia mencatatkan pertumbuhan TFP tahunan sebanyak 1.6 peratus.

"Ini adalah petunjuk positif bahawa Malaysia berada di landasan betul untuk mencapai sasaran pertumbuhan TFP sebanyak 2.2 peratus men-



jelang 2010," katanya.

Sementara itu, Rafidah berkata, Malaysia diunjurkan terus mencatatkan pertumbuhan produktiviti kukuh tahun ini, iaitu sebanyak 3.5 peratus.

Beliau berkata, ini sejajar usaha berterusan meningkatkan produktiviti termasuk penggunaan teknologi yang lebih sofistikated, menambah baik sistem pengurusan, mengukuhkan keupayaan sumber manusia, meningkatkan inovatif sekali gus merapatkan jurang antara keperluan industri dengan kepakaran sedia ada.

"Kerajaan juga akan terus mengenal pasti dan memansuhkan hala-

ngan pentadbiran yang meningkatkan kos dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kecekapan dan persaingan," katanya.

Rafidah berkata, pertumbuhan produktiviti tahun ini dijangka terus dijana sektor perkhidmatan merangkumi perdagangan, pengangkutan dan kewangan dengan sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama.

"Sektor pembuatan diunjurkan mencatatkan pertumbuhan 3.4 peratus tahun ini, manakala sektor pengangkutan dan kewangan masing-masing 4 peratus dan perdagangan adalah 2.1 peratus," katanya.